

30 OCT 1999

PERIKANAN-KERJASAMA

M'SIA & THAILAND AKAN BEKERJASAMA DALAM PERIKANAN

ALOR SETAR, 30 Okt (Bernama) -- Malaysia dan Thailand akan bekerjasama dalam industri perikanan di bawah rangka kerja Tiga Segi Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau memberitahu satu sidang akhbar bahawa di samping perikanan, beliau juga telah berbincang dengan rakan sejawatannya dari Thailand, Chuan Leekpai di sini bahawa kedua-dua negara akan berunding dengan satu sama lain sekiranya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mempelawa mereka untuk menghantar tentera ke Timor Timur.

Dr Mahathir dan Chuan berada di sini bagi menyaksikan upacara menandatangani perjanjian jualan gas antara Petronas dan Pihak Berkuasa Petroleum Thailand dengan pemaju-pemaju Blok A-18 di Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thai (JDA).

Dr Mahathir berkata kedua-dua pihak juga bersetuju bahawa mereka harus menambah perkhidmatan kereta api dan jenis-jenis komunikasi yang lain antara kedua-dua negara.

Beliau juga memberitahu bahawa beliau dan Chuan akan menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi Asean di Manila bulan depan.

-- BERNAMA

MK KY MA